

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
LEMBAGA JURURAWAT MALAYSIA / LEMBAGA BIDAN MALAYSIA
UNIT PEPERIKSAAN**

TERMA RUJUKAN

PERMOHONAN MENDUDUKI PEPERIKSAAN

1. Permohonan untuk menduduki peperiksaan LJM /LBM bagi kali pertama dan ulangan hendaklah dibuat **melalui kolej / institusi pengajian kejururawatan.**
2. Borang Permohonan Menduduki Peperiksaan **(BKJ-BOR-PEP-05-01 Pin.1/2013)** boleh dimuat turun dari laman sesawang *http://nursing.moh.gov.my*
3. Kolej perlu menghantar borang dan dokumen yang berkenaan mengikut program (sila rujuk buku ***Guidelines on Standard & Criteria For Approval / Accreditation Of Nursing Programmes***) kepada Lembaga Jururawat Malaysia sebelum tarikh tutup permohonan berpandukan takwim peperiksaan tahun semasa.
4. Setiap permohonan hendaklah disertakan dengan **bayaran yuran** peperiksaan mengikut program.
5. **Dokumen yang tidak lengkap** atau tidak disertakan dengan bayaran tidak akan diproses
6. Permohonan yang dihantar **selepas tarikh tutup** mengikut takwim peperiksaan tahun semasa **tidak akan diproses.**
7. Pihak kolej / institusi pengajian bertanggungjawab **mendaftar pelatih secara online** iaitu di dalam Sistem Pengurusan Maklumat Jururawat (SPMJ) dan mengesahkan maklumat pendaftaran pelatih adalah **lengkap dan tepat.**
8. Peluang menduduki peperiksaan LJM /LBM adalah seperti berikut:
 - i. **Program Diploma /Ijazah Kejururawatan 4 kali** (pertama dan tiga kali ulangan)
 - ii. **Program Penolong Jururawat 3 kali** (pertama dan dua kali ulangan)

- iii. **Program *Advanced Diploma in Midwifery* 4 kali** (pertama dan tiga kali ulangan)
 - iv. **Program Jururawat Masyarakat 4 kali** (pertama dan tiga kali ulangan)
9. Bayaran **yuran** peperiksaan **tidak akan dikembalikan** jika calon tidak menduduki peperiksaan pada tarikh yang telah ditetapkan.
 10. Calon yang **menangguhkan** peperiksaan selepas mendaftar dan diberikan angka giliran perlu mengemukakan surat penjelasan / tunjuk sebab. melalui kolej / institusi pengajian .
 11. Calon yang telah mendaftar tetapi gagal hadir tanpa sebab atau alasan yang dibenarkan akan **hilang peluang** untuk menduduki peperiksaan sebagaimana yang termaktub dalam syarat
 12. Rayuan untuk mengulangi peperiksaan selepas **habis peluang** (mengikut program) **tidak akan dipertimbangkan.**